

**KEBERKESANAN AGIHAN ZAKAT DALAM  
MEMBASMI KEMISKINAN: KAJIAN TERHADAP  
ASNAF FAKIR DAN MISKIN DI NEGERI  
SEMBILAN**

**RAHISAM BIN RAMLI**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SYARIAH  
(SECARA DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

## ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan di kalangan asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan. Meskipun statistik kutipan zakat di Negeri Sembilan semakin meningkat pada setiap tahun dan program-program membasmi kemiskinan giat dijalankan tetapi fenomena kemiskinan masih terus wujud. Pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal umat Islam juga telah menyediakan pelbagai skim bantuan untuk memastikan asnaf fakir miskin sentiasa mendapat pembelaan sewajarnya. Persoalannya adakah langkah-langkah tersebut berkesan untuk mengurangkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan? Sehubungan dengan itu kajian ini cuba menganalisis sejauhmanakah agihan zakat berkesan untuk membasmi kemiskinan. Populasi kajian adalah terdiri dari asnaf fakir dan miskin yang menerima agihan zakat pada tahun 2008 di Negeri Sembilan. Sebanyak 10 peratus dari jumlah populasi telah dipilih sebagai sampel kajian ini melalui teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling technique*) iaitu seramai 230 orang meliputi daerah Seremban, Jelebu dan Rembau. Bagi memahami kemiskinan, profil responden dianalisis dengan menggunakan kaedah Statistik Huraian (*Descriptive Statistic*) untuk menjelaskan ciri-ciri golongan yang terjebak dalam kemiskinan. Kajian membuktikan agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAINS memberi sumbangan kepada pengurangan kadar kemiskinan, menurunkan jurang kemiskinan, mengecilkan purata jurang kemiskinan dan memperbaiki nisbah jurang pendapatan. Manakala analisis ketidakseimbangan agihan pendapatan mendapati keluk Lorenz semakin menghampiri garisan keseimbangan agihan pendapatan. Begitu juga nilai pekali Gini turut menunjukkan agihan zakat dapat memperbaiki agihan pendapatan asnaf fakir miskin. Ini bermakna agihan zakat memberi sumbangan yang signifikan untuk memperbaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir miskin. Justeru dicadangkan MAINS perlu meningkatkan kaedah agihan dengan mengenalpasti golongan yang masih terjebak dalam kemiskinan, menyediakan penempatan khas untuk warga tua miskin, mempertingkatkan pendidikan dan kemahiran golongan OKU, mewujudkan jaringan maklumat dan aktiviti ekonomi ibu tunggal untuk mengoptimumkan agihan zakat dan memartabatkan institusi zakat di peringkat arus perdana.

## ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the effectiveness of the zakat distribution in eradicate poverty among the zakat recipients from the needy and poor in Negeri Sembilan. Although the zakat collection statistic is increasing in each year and eradicate poverty programmes zealously carried out yet the poverty phenomena still in existence. The Islamic Council of Negeri Sembilan (MAINS) which is responsible in superintending the welfare of the Muslims and in preparing various subsidiary schemes to ensure that the poor are aided seemly. The main concern is whether the effective steps taken in decreasing poverty is totally eradicated. Therefore this research is to try to analyze the distribution of zakat is effective to eradicate poverty. The population of this research is among zakat recipients form the needy and poor and in 2008. 10% of the total of population has been selected as research sample through purposive sampling technique ie 230 recipients which includes the districts of Seremban, Jelebu dan Rembau. To understand poverty the respondents' profiles are analysed by using the Descriptive Statistic method to explain the criterias of group that are enticed in poverty. Furthermore the poverty index ie headcount poverty, poverty gap, average poverty, income gap ratio and the income inequality distribution. Research proved that the distribution of zakat implementation by MAINS in decreasing the headcount poverty, lowering the poverty gap, minimising the average poverty gap and improving the ratio of the income gap. Wheras, the analysis of the income inequality distribution finds that the Lorenz Curve almost meet the equality income distribution line. This means zakat distribution has improved the income inequality distribution among the poor and needy society in Negeri Sembilan. Also the value of Gini Coeficient shows that the distribution of zakat has been able to improve the poor and needy income distribution. Henceforth it is suggested that MAINS ought to upgrade the distribution method by identifying the main group of the poor , preparing a special place for the poor who are old, upgrading the education and skills among the special needs society. Also to create information network and the economy of the single parent to optimize zakat funds and to establish in the global field of zakat.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Segala puji hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan disertasi ini untuk memenuhi keperluan pengajian Sarjana Syariah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan terutama kepada Dr. Patmawati binti Haji Ibrahim selaku penyelia yang banyak membimbing dan berkongsi kepakaran beliau khususnya dalam bidang Ekonomi Zakat untuk menyiapkan disertasi ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Ustaz Zainal bin Said, Pegawai Unit Agihan Zakat, Baitul Mal Negeri Sembilan di atas kerjasama menyediakan maklumat tentang MAINS dan responden berkaitan kajian. Penghargaan turut diberikan kepada Profesor Dato' Dr. Hailani Muji Tahir (UKM) dan Dr. Asmak Abdul Rahman (UM) selaku pemeriksa untuk menambahbaik lagi kualiti disertasi ini.

Selain itu, ucapan terima kasih kepada Muhammad Hamsyar selaku pembantu yang menjalankan kajian lapangan ke daerah Seremban, Jelebu dan Rembau. Tidak lupa kepada para responden, terima kasih kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama sepanjang sesi temu bual dilakukan. Akhirnya, kepada isteri Nor Azlin binti Arop@Othman, anak-anak Nurul Syafiqah, Muhammad Syafiq, Muhammad Irfan, Nurul Farhani, Nurul Nadia Farhana dan Nurul Fatimah Zulaikha, keluarga, mentua dan rakan-rakan sekalung penghargaan kerana dorongan dan sokongan anda.

Semoga disertasi ini dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan pembangunan sosioekonomi umat Islam dan mendapat keredaan Allah SWT.

Wassalamu'alaikum wrt.wbkt.

Rahisam bin Ramli  
Jabatan Syariah dan Ekonomi  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya